

# Warga emas sedih rumah rosak dinaiki air

Oleh NOR SHAFAWATI YUP  
dan SUHANA MD. YUSOP

**DENGKIL** - Seorang warga emas tidak dapat menahan rasa sedih apabila semua barang keperluan harian dan elektrik musnah dalam kejadian banjir di Kampung Revolusi Hijau dekat sini pada Ahad lalu.

Menurut mangsa, Fatimah Baba (**gambar kecil**), 70, dalam kejadian pada pukul 3.30 pagi itu dia sedang nyenyak tidur bersama seorang cucu lelaki di rumah yang disewanya sejak dua tahun lalu itu.

"Habis semua kain baju, garam dan gula bila air naik sampai ke paras dada. Sampai sekarang rumah pun belum bersihkan sebab maceik tak larat.

"Banjir berlaku sekelip mata dan sempat kejutkan cucu selamatkan apa yang patut sebelum meninggalkan rumah," katanya ketika ditemui selepas banjir mulai surut di rumahnya petang semalam.

Fatimah yang mengalami penyakit lelah, darah tinggi dan kencing manis memberitahu, dia terpaksa menumpang di rumah seorang penduduk kerana tidak larat untuk ke pusat pemindahan mangsa banjir.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Dengkil, Shaहरुm Mohd. Sharif yang turut turun padang bersama ahli Wanita, Pemuda dan Puteri kawasan



SHAHRUM (dua dari kiri) membantu membersihkan rumah penduduk di Kampung Revolusi Hijau yang terjejas akibat banjir yang berlaku pada Sabtu lalu.



KERATAN Kosmo! semalam.

bagi membantu kerja-kerja pembersihan rumah Faridah dan 10 buah keluarga lagi yang terjejas ekoran banjir tersebut.

"Kerajaan negeri Selangor perlu memainkan peranan dengan menaik taraf Sungai Langat serta memperkukuhkan struktur ban yang dibina agar tidak lagi pecah atau masalah ini akan terus menyusahkan penduduk yang terpaksa berhadapan banjir.

"Saya mengharapkan ada

penyelesaian jangka pendek iaitu dengan membina tiga hingga empat kolam takungan air bagi mengawal limpahan air yang banyak dari Sungai Langat," katanya.

Beliau berkata, sehingga petang semalam, seramai 303 mangsa banjir di sini masih tinggal di pusat pemindahan manakala selebihnya sudah pulang untuk membersihkan kediaman.

Dianggarkan jumlah kerugian bagi banjir kali

ini mencecah sebanyak RM200,000.

Antara yang teruk terjejas ialah Kampung Cempe-rai, Kampung Revolusi Hijau, Kampung Semarang, Ampar Tenang, Taman Baiduri, Kampung Lalang dan Kampung Seri Tanjung.

Sementara itu, Ketua Penolong Setiausaha (Unit Pengurusan Bencana) Negeri Selangor, Ahmad Fairuz Mohd. Yusof pula berkata, seramai 77 mangsa bah sekitar Selangor yang ditempatkan di Dewan Orang ramai Kampung Ampar Tenang di sini, Balai Rinching Hilir Beranang, Hulu Langat, Dewan Komuniti Taman Semenyih Indah dan Surau Ikhwanul Muslimin Kampung Sungai Buah Luar telah dibenarkan pulang ekoran keadaan banjir yang telah surut sejak malam kelmarin.

"Bagaimanapun, terdapat 416 mangsa bah di Selangor masih mendapatkan perlindungan di lima buah pusat pemindahan," katanya.

Sementara itu di Klang, seramai 23 mangsa daripada lapan keluarga dari Kampung Perepat, Kapar masih ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Orang Ramai Kampung Perepat di sini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, Zaidi Atan berkata, kesemua mereka dipindahkan ke pusat pemindahan tersebut selepas rumah yang didiami rosak ekoran ribut petir yang melanda Sabtu lalu.